

► Membaca

Baca bahan dengan telitinya. Kemudian, lengkapkan ulasan di bawah ini.

SP 23.1

Cindy mengayuh basikalnya agak laju. Awan begitu gelap di langit. Mungkin hujan akan turun beberapa ketika lagi.

“Singgah di rumah saya dulu, Cindy. Sudah nak hujan ni,” laung Fatin dari halaman rumahnya. Walaupun Cindy berbangsa Cina dan Fatin berbangsa Melayu, mereka berdua berkawan baik sejak kecil lagi.

“Saya nak balik juga,” balas Cindy.

“Jangan. Hujan sudah mula turun. Nanti demam pula kamu,” kata Fatin.

Cindy akur. Dia terus singgah di rumah Fatin. Ayah dan ibu Fatin pun ada. Mereka melayan Cindy dengan baik.

Di luar, hujan semakin lebat. Guruh berdentum dari pelbagai arah. Kuat dan menakutkan.

“Kamu jangan bimbang, Cindy. Kalau kamu nak balik, boleh kami hantarkan,” kata Encik Harris, ayah Fatin.

“Terima kasih, pak cik,” balas Cindy.

“Kamu minumlah dulu. Biar pak cik telefon ayah kamu. Ayah kamu itu berkawan baik dengan pak cik,” kata Encik Harris lagi.



Semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat melahirkan

(1) _____ terhadap kesusahan yang dialami oleh orang lain tanpa mengira kaum. Sebagai contoh, Fatin memperlakukan baiknya, Cindy yang berbangsa Cina untuk singgah di rumahnya. Fatin

bimbang akan (2) _____ Cindy sekiranya Cindy pulang ke rumah dalam keadaan hujan yang lebat. Selain itu, Cindy juga dilayan dengan baiknya oleh (3) _____ Fatin.

Ayah Fatin turut berjanji untuk (4) _____ ke rumahnya. Secara tidak langsung, hal ini membuktikan bahawa hubungan erat ini dapat mewujudkan masyarakat yang saling membantu ketika

(5) _____.

Info Ekstra

Kepentingan Perpaduan dalam Membentuk Sebuah Negara

1. Mewujudkan masyarakat harmoni
2. Membangunkan ekonomi negara
3. Meningkatkan imej negara
4. Menjamin keselamatan negara
5. Mengekalkan kestabilan negara